

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)

12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2
62100 Putrajaya, Malaysia
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)



KENYATAAN MEDIA
26 DISEMBER 2023

99% PENGGUNA DOMESTIK DI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN TIDAK TERJEJAS DENGAN PELARASAN TARIF ELEKTRIK BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 30 JUN 2024

PUTRAJAYA, 26 Disember 2023 – Berikut arahan daripada Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam (Kementerian), Suruhanjaya Tenaga membuat pengumuman ini, untuk dan bagi pihak Kementerian seperti berikut:

Pihak Kerajaan pada 13 Disember 2023 telah bersetuju supaya pelarasan tarif elektrik di bawah pelaksanaan mekanisme Pelepasan Kos Tidak Berimbang (*Imbalance Cost Pass-Through* – ICPT) dilaksanakan secara **penyasaran semula subsidi** bagi pengguna di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan (WP Labuan) untuk tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024 seperti berikut:

- i. **pengecualian surcaj ICPT dikekalkan** kepada pengguna domestik (tarif DM) dengan penggunaan elektrik sebanyak 1,500 kWj dan ke bawah ($\leq 1,500 \text{ kWj}$);
- ii. pengguna domestik (tarif DM) dengan penggunaan elektrik melebihi 1,500 kWj ($> 1,500 \text{ kWj}$) akan **dikenakan surcaj** pada kadar 7.21 sen/kWj; dan
- iii. **pengecualian surcaj ICPT dikekalkan** kepada pengguna bukan domestik kategori tarif voltan rendah (tarif CM1 dan ID1) yang terdiri daripada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS);
- iv. **pengecualian surcaj ICPT** turut diberikan kepada pengguna bukan domestik yang terdiri daripada operator air dan pembetungan dalam kategori tarif voltan rendah (tarif CM1 dan ID1); dan

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

- v. pengguna bukan domestik selain di perenggan iii. dan iv. **dikenakan surcaj** pada kadar 7.21 sen/kWj.

Berdasarkan keputusan ini, sejumlah **99 peratus atau 561 ribu pengguna domestik di Sabah dan WP Labuan tidak terjejas** dengan pelarasan tarif elektrik bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024.

Berdasarkan kepada penyasaran semula subsidi ini, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah **RM161.70 juta** subsidi kepada kategori-kategori pengguna di perenggan i., iii. dan iv. bagi meminimumkan impak surcaj ICPT sepanjang tempoh pelaksanaan ini.

*****TAMAT*****

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.